

## **47 penumpang dilindungi insurans**

KUALA LUMPUR 25 Mac - Seramai 47 orang daripada 50 rakyat Malaysia yang terdiri daripada 38 penumpang dan 12 anak kapal pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang hilang masing-masing dilindungi insurans hayat.

Presiden Life Insurance Association of Malaysia (LIAM), Vincent Kwo memberitahu, kesemua 47 individu berkenaan memiliki polisi insurans hayat yang didaftar menerusi 14 syarikat insurans di Malaysia.

"Selain itu, enam daripada penumpang yang bukan warganegara juga diinsurans di bawah syarikat-syarikat yang menjadi ahli LIAM," katanya dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahli-ahli keluarga atau waris terdekat bagi pemegang polisi insurans berkenaan boleh menghubungi LIAM di talian 03-26916628 atau emel ke *liaminfo@liam.org.my* untuk mengetahui syarikat insurans yang melindungi para pemegang polisi terlibat.

Artikel Penuh: [http://utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140326/dn\\_21/47-penumpang-dilindungi-insurans#ixzz2yqcrMZbk](http://utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140326/dn_21/47-penumpang-dilindungi-insurans#ixzz2yqcrMZbk)

© Utusan Melayu (M) Bhd